

08 FEB 1998

KEMENTERIAN PENERANGAN AKAN MULAKAN TABUNG SETIA NEGARA

JOHOR BAHRU, 8 Feb (Bernama) -- Kementerian Penerangan akan melancarkan Tabung Setia Negara esok dengan menggalakkan pegawai dan kakitangannya menabung melalui sumbangan secara sukarela.

Menteri berkenaan Datuk Seri Mohamed Rahmat berkata sumbangan secara bulanan mengikut keupayaan kakitangan ialah sebagai menyahut seruan kerajaan agar rakyat menabung.

"(Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamed) telah menyeru agar rakyat semua kaum terlibat dalam penabungan. Kita akan mulakan dengan pegawai dan kakitangan kementerian serta agensi di bawahnya," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata kementerian tidak bercadang mewajibkan sumbangan kepada tabung itu melalui potongan gaji kakitangan kerana penabungan adalah secara sukarela.

Mohamed juga berkata kementerian sedang berunding dengan Perbendaharaan untuk mewujudkan sebuah akaun amanah supaya tabung berkenaan diiktiraf kerajaan.

Ini bagi memastikan tidak berlakunya salah guna daripada kegiatan pelaburannya dan kementerian berharap hasil tabungan itu dapat dilaburkan dalam pasaran saham.

Selain itu, kata Mohamed, kementerian juga akan mengadakan gerakan di seluruh negara mengenai pentingnya rakyat menabung demi kesejahteraan mereka. -- BERNAMA

MKO RON